

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6

Jurang ekonomi masih wujud

Peratus kemiskinan dan pengangguran kaum Bumiputera tertinggi

Jurang ekonomi masih wujud

DEWAN
RAKYAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Jurang sosioekonomi antara etnik di negara ini masih menunjukkan jurang yang agak ketara walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan sejak tahun 1971.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kadar kemiskinan mutlak Bumiputera adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu 7.9 peratus, berbanding Cina dengan 1.9 peratus dan India iaitu 5.4 peratus pada tahun 2022.

Menurut beliau, kadar peratusan pengangguran Bumiputera pula masih tinggi iaitu sebanyak 4 peratus, manakala Cina (3.1 peratus) dan India (4.8 peratus) pada tahun lalu.

"Jumlah penganggur Bumiputera adalah paling tinggi iaitu seramai 387,800 atau 61.5 peratus daripada 630,400 penganggur berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh (LFS) 2022.

"Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera mencatatkan pencapaian 18.4 peratus pada tahun 2020 berbanding bukan Bumiputera sebanyak 29.5 peratus. Sarasan sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat Bumiputera masih belum dicapai," katanya pada sidang Dewan Rakyat



KERAJAAN akan melancarkan pelan jangka panjang untuk tempoh 10 tahun dalam usaha melonjakkan sosioekonomi Bumiputera menerusi pelbagai bidang dan sektor. — GAMBAR HIASAN

di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) yang bertanya mengenai hala tuju dan pendekatan baharu dirangka kerajaan hasil daripada pengajuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) dalam usaha melonjakkan tahap sosio ekonomi Bumiputera.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, berdasarkan kedudukan semasa sosioekonomi Bumiputera, Kerajaan Perpaduan bertekad menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia dan me-

mastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih bermutu.

Justeru katanya, pelan jangka panjang agenda baharu pemerksaan Bumiputera yang lebih segar dan inklusif tanpa meminggirkan peranan semua etnik di Malaysia akan dirangka untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Menurut beliau, pelan tersebut dijangka diluncurkan pada Jun 2024 termasuk usaha bagi melonjakkan lagi tahap sosioekonomi Bumiputera menerusi pelbagai bidang dan sektor agar terus berdaya saing.

Jelas beliau, tumpuan akan di-

berikan kepada tiga permacu iaitu Memperkuuh Pasak Ekonomi Negara, Memperkuuh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial.

"Kerajaan juga akan memberi fokus kepada usaha pemerksaan dan pengupayaan golongan pertengahan Bumiputera yang mampu mencipta nilai kepada ekonomi dengan membina perniagaan dan meningkatkan pendapatan berbanding hanya menambah nilai kepada ekonomi atau bergantung harap kepada pekerjaan bergaji tetap semata-mata," katanya.